



Lima individu termasuk seorang pegawai dan anggota polis dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Alor Setar atas pertuduhan menyeludup 119 PATI Myanmar pada 24 Mei lalu. (Foto Luqman Hakim Zubir/BH)

BERITA HARIAN (21/6/2022) page 20

Pegawai, anggota polis antara dituduh seludup 119 PATI

Lima individu didakwa laku kesalahan di perairan Kuala Kedah

Oleh M Hifzuddin Ikhsan
bhnews@bh.com.my

Alor Setar: Lima individu termasuk seorang pegawai dan anggota polis didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan menyeludup 119 migran Myanmar di perairan Kuala Kedah, bulan lalu.

Bagaimanapun, tiada pengakuan dibuat sejurus pertuduhan ke atas Mohamad Faizal Ahmad Zaki, 37; Mohd Razin Razali, 32; Anas Hafizin Ahmad, 37; Muhammad Aslam Osman, 29, dan Ibrahim Dahamid, 38, dibacakan di hadapan Hakim Noor Zaihan Mohamad Ali.

Mengikut kertas pertuduhan, Mohd Faizal dan Mohd Razin yang bertugas di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kedah didakwa secara bersama melakukan penyelu-

dupan 119 migran pada jarak kedudukan 1.9 batu nautika dari daratan Kuala Kedah pada jam 9.30 malam, 24 Mei lalu.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 26B(d) Akta Anti Perdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007 (Akta 670) yang dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Jika sabit kesalahan, mereka boleh dihukum penjara seumur hidup atau penjara tidak kurang lima tahun dan sebatan.

Dalam pertuduhan dibacakan berasingan, Anas Hafizin, Muhammad Aslam dan Ibrahim pula didakwa secara bersama melakukan penyeludupan 119 migran Myanmar pada jarak kedudukan 1.9 batu nautika dari daratan Kuala Kedah pada jam 9.30 malam, 24 Mei lalu.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 26A Akta Anti Perdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007 (Akta 670) yang dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan. Jika sabit kesalahan, mereka boleh dihukum penjara maksimum 20 tahun dan denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Zahrudin Mohammed Isa, Nor Syaliati Mohd Sobri dan Nur Syifa Mohd

Hamzah, manakala Ravi Shankar Gandhi mewakili Mohd Razin, sementara tertuduh lain tidak diwakili peguam.

Zahrudin kemudian memohon mahkamah tidak membenarkan semua tertuduh diikat jamin sebelum Noor Zaihan membenarkan permohonan itu dan menetapkan 4 Julai depan sebagai tarikh sebutan semula.

Terdahulu, Ketua Polis Kedah Datuk Wan Hassan Wan Ahmad dalam satu kenyataannya semalam berkata, kesemua suspek itu ditahan berasingan dalam dua siri tangkapan yang dilakukan pihaknya.

Katanya, sebuah bot nelayan ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) di perairan Kuala Kedah pada 24 Mei lalu dan menahan empat warga tempatan disyaki tekonong bersama 119 warga Myanmar.

“Susulan kejadian itu, empat lagi warga tempatan berjaya dikesan dan ditahan selepas disyaki terbabit dalam aktiviti penyeludupan migran terbabit.

“Ini menjadikan jumlah keseluruhan tangkapan adalah seramai lapan orang iaitu dua daripadanya adalah anggota polis yang bertugas di IPK Kedah,” katanya.